

BULETIN

Memajukan Pembangunan Sosial
Melalui Pemerksaan Komuniti



APPGM-SDG

**MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI
TINDAKAN LESTARI:
MENTRANSFORMASI KEHIDUPAN DI IPOH BARAT**

YB Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson
*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-undang dan Reformasi Institusi);
Ahli Parlimen Ipoh Barat*

Kolum Dari Parlimen
ke Akar Umbi

**Memperkasa Komuniti
Melalui Tindakan
Lestari:
Mentransformasi
Kehidupan di Ipoh
Barat** 03

Kolum Rencana Khas

**Membina Masyarakat
Lebih Saksama melalui
Ekonomi Sosial dan
Solidariti** 05

Suara dari Akar Umbi

**Menyemai SDG dari
Akar Umbi** 10

KANDUNGAN

Suara dari Akar Umbi

**Menyemai
Keterjaminan
Makanan dari Akar
Umbi: Perjalanan
SDG Kami di
Dungun** 12

Sorotan Acara

**Memperkukuh Tadbir
Urus Tempatan di Zon
Utara: Forum
Intervensi Dasar SDG
Pacu Kelestarian
Daerah** 14

Sorotan Acara

**Memperkasa Pantai
Timur: Sinergi APPGM-
SDG dan UMK dalam
Memacu Agenda
Pembangunan
Mampan** 15

Sorotan Acara

**Dari Lensa Zon
Selatan:
Menggerakkan
Agenda SDG bersama
Penyelaras Tempatan** 16

Sorotan Acara

**Menghubungkan
Perundangan dan Tradisi di
Wilayah Sarawak: Dialog
Pluralisme Undang-Undang
& Hak Adat Bumiputera** 18

**Sinergi Zon Tengah:
Memperkasa Tadbir Urus
Pelbagai Peringkat Demi
Kelestarian Bersama** 20

Sorotan Acara

**Menyelami Suara Akar
Umbi di sabah:
Merungkai Cabaran dan
Daya Tahan Komuniti di
Parlimen Batu Sapi** 21

**Ahli Parlimen Turun
Padang** 23

Pasukan Editorial:

Penyunting

Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Pereka Kulit dan
Pereka Susun Atur

Kezia Sim Kui Ting
Hirzawati Atikah Mohd Tahir

**Ikuti Kami untuk
Maklumat Lanjut**



@APPGMSDGMY



APPGM-SDG Secretariat



@appgm_sdg



@appgmsdg



MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI TINDAKAN LESTARI: MENTRANSFORMASI KEHIDUPAN DI IPOH BARAT

Oleh YB Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson
(Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi); Ahli Parlimen Ipoh Barat)

Komuniti yang dahulunya terpinggir di kawasan parlimen saya kini mula menjalani kehidupan dengan penuh maruah, keyakinan, dan harapan baharu. Bagi kebanyakan daripada mereka, peluang untuk didengar dan dilibatkan dalam usaha pembangunan telah mengembalikan rasa bertujuan serta kepercayaan bahawa taraf hidup mereka mampu ditingkatkan melalui sokongan yang bermakna dan lestari. Sokongan yang lestari ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa sebuah organisasi komited yang cekal berusaha dan menyuarakan isu-isu berkaitan komuniti akar umbi.



Perjalanan saya bersama Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) bermula pada tahun 2021, apabila organisasi tersebut mendekati saya melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Association for Welfare, Community and Dialogue* untuk melaksanakan aktiviti pemetaan komuniti di kawasan parlimen saya, Ipoh Barat. Saya menyambut baik kehadiran pasukan tersebut dengan tangan terbuka dan hati yang ikhlas, menyedari betapa pentingnya memahami realiti akar umbi demi merangka penyelesaian yang berkesan dan berkekalan.

Sepanjang tempoh tiga hari, pasukan APPGM-SDG telah melawat pelbagai komuniti yang kurang mendapat kemudahan, termasuk penduduk di flat PPR dan penempatan setinggan. Mereka melibatkan diri secara langsung dengan NGO tempatan serta mengendalikan sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) untuk memahami dengan lebih mendalam isu-isu yang dihadapi oleh komuniti tersebut. Tugasan mereka merangkumi usaha mendokumentasikan realiti sebenar di lapangan secara teliti, mendengar suara hati rakyat, dan menghasilkan laporan komprehensif yang mencerminkan kebimbangan sebenar akar umbi.

Apa yang paling mengagumkan saya adalah pendekatan kolaboratif dan diplomatik yang mereka amalkan. APPGM-SDG telah memudah cara perbincangan bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, berkongsi hasil dapatan daripada aktiviti pemetaan yang dijalankan, dan berusaha secara konstruktif bagi menggalakkan penyelesaian praktikal terhadap isu-isu tempatan. Saya telah menyertai kebanyakan daripada sesi perbincangan ini dan mendapati metodologi mereka sangat berpaksikan pelibatan komuniti, dokumentasi berasaskan bukti, serta penyelesaian inovatif berteraskan SDG yang dibangunkan bersama-sama komuniti setempat.

Sebagai seorang Ahli Parlimen, saya sentiasa berdepan dengan cabaran untuk menangani kebimbangan komuniti yang kompleks, merangkumi isu sistem saliran dan perumahan sehinggalah hak milik tanah, cabaran alam sekitar, serta cabaran sosioekonomi yang lebih luas. Melalui kerjasama dengan APPGM-SDG, saya dapat memanfaatkan kepakaran dan sumber mereka demi menangani beberapa isu mendesak ini, terutamanya dalam meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi komuniti B40 di sekitar Ipoh Barat.

Kolum Dasi Parlimen ke Akar Umbi

Salah satu inisiatif signifikan adalah penubuhan kebun bandar berasaskan komuniti di Kampung Tai Lee, sebuah penempatan setinggian yang menempatkan 25 buah keluarga, di mana majoritinya merupakan warga emas yang berhadapan dengan ancaman pengusiran. Atas kapasiti saya sebagai Ahli Parlimen dan juga seorang peguam, saya telah berjaya mendapatkan perintah penggantungan yang menghalang pengusiran keluarga-keluarga ini buat sementara waktu. Bersama-sama APPGM-SDG, kami telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Tanah Ipoh, Majlis Bandaraya Ipoh, dan Kerajaan Negeri Perak untuk menyokong penyediaan penyelesaian perumahan yang sewajarnya sekiranya proses penempatan semula terpaksa dilakukan kelak. Perbincangan mengenai perkara ini masih lagi berjalan, dan saya tetap berharap agar keluarga-keluarga ini akhirnya akan disediakan dengan kediaman yang lebih selamat dan bermaruah.

Dalam pada itu, perbincangan kami dengan kerajaan negeri dan majlis tempatan telah membawa kepada usaha untuk mewujudkan peluang penjana pendapatan yang lestari bagi komuniti tersebut. Melalui kerjasama ini, Majlis Bandaraya Ipoh di bawah kepimpinan Dato' Rumaizi Baharin pada ketika itu, telah berjaya mendapatkan sebidang tanah di Kampung Tai Lee untuk pembangunan inisiatif pertanian bandar. APPGM-SDG telah menyokong penuh idea berkenaan dan menyediakan peruntukan dana yang diperlukan untuk melancarkan projek tersebut pada tahun 2023.

Kini, projek yang dikenali sebagai Kebun Model Ipoh tersebut sedang berkembang dengan amat menggalakkan. Seramai kira-kira 15 orang warga emas lelaki dan wanita terlibat secara aktif dalam menguruskan kebun berkenaan dengan sokongan berterusan daripada pasukan APPGM-SDG Ipoh. Para peserta kini memperoleh pendapatan bulanan sederhana yang mencecah antara RM160 hingga RM200. Walaupun jumlah tersebut mungkin kelihatan kecil bagi sesetengah pihak, ia telah membawa perubahan yang bermakna dalam hidup warga emas ini dengan membantu mereka meraih semula pendapatan kewangan, maruah diri, serta mengembalikan rasa bertujuan dalam kehidupan.



Di samping inisiatif Kebun Model Ipoh, APPGM-SDG telah aktif menerajui pelbagai projek pacuan komuniti yang bertujuan untuk memperkukuh ekonomi tempatan di seluruh Ipoh Barat. Inisiatif-inisiatif ini dirangka untuk memperkasa penduduk, meningkatkan ketahanan sosioekonomi, dan memupuk pembangunan komuniti yang lestari di dalam daerah ini.

Sejak tahun 2021, organisasi ini telah melaksanakan 19 projek mikro SDG yang melibatkan kaum wanita, belia, murid sekolah, kelab bola sepak, warga emas, dan komuniti pertanian bandar. Projek-projek ini merangkumi pelbagai bidang seperti pembangunan sukan, literasi digital, jahitan, kemahiran kulinari dan Bakeri, keusahawanan, pemuliharaan budaya, sekuriti makanan, serta program kesihatan dan kesejahteraan.

Secara kolektif, inisiatif-inisiatif ini telah mendekati dan memperkasa hampir 600 individu daripada komuniti B40 di seluruh kawasan parlimen saya. Lebih penting lagi, mekanisme pemantauan yang kukuh dan pelibatan berterusan daripada APPGM-SDG memastikan program-program ini kekal lestari dan dipandu oleh komuniti dalam tempoh yang lama selepas ia dilaksanakan.

Saya terus bekerjasama rapat dengan APPGM-SDG melalui inisiatif seperti Ipoh Model Farm dan berharap dapat melihat kemajuan yang lebih besar dalam memperkasa komuniti yang rentan. Pembangunan lestari bukan sekadar menyediakan bantuan sementara; ia adalah tentang membina komuniti yang mampan dan mampu berdiri di atas kaki sendiri dengan penuh maruah dan keyakinan.

Kerjasama antara APPGM-SDG dan komuniti di Ipoh Barat membuktikan bahawa perubahan yang bermakna boleh berlaku apabila pembangunan berpusatkan rakyat, inklusif, dan lestari. Dengan mendengar suara hati rakyat biasa, memperkasa kepimpinan tempatan, dan mewujudkan peluang untuk berdikari, kita bukan sahaja menangani cabaran sosioekonomi semasa, malah mengembalikan harapan dan maruah kemanusiaan.

Pemeriksaan sebenar melangkaui bantuan kewangan atau sokongan jangka pendek. Ia terletak pada usaha melengkapkan komuniti dengan instrumen, peluang, dan keyakinan untuk mencorakkan masa depan mereka sendiri. Apabila komuniti diperkasa, mereka akan menjadi kental, berdikari, dan mampu berkembang maju tanpa hanya bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

Sedang kita meneruskan perjalanan ini, saya kekal komited untuk bekerja bersama-sama APPGM-SDG dan semua pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memastikan tiada komuniti yang terpinggir. Bersama-sama, kita mampu membina masa depan yang lebih prihatin, inklusif, dan lestari untuk masyarakat di Ipoh Barat dan juga di luar kawasan ini.



MEMBINA MASYARAKAT LEBIH SAKSAMA MELALUI EKONOMI SOSIAL DAN SOLIDARITI

Dalam dunia yang sedang berdepan dengan cabaran sosioekonomi yang kian meningkat, komuniti di serata tempat mula beralih daripada model ekonomi berasaskan pasaran kepada ekonomi yang manfaatnya dikongsi bersama ahli komuniti dan dilaburkan semula secara tempatan. Ekonomi Sosial dan Solidariti (SSE) kini semakin dilihat sebagai jawapan yang dicari oleh komuniti-komuniti tersebut.

Apakah SSE?

Sebuah konsep yang berakar umbi dalam sejarah manusia melalui amalan bantuan bersama, tindakan kolektif, dan kerjasama, SSE merangkumi perusahaan dan organisasi yang berkhidmat untuk kepentingan bersama melalui kerjasama sukarela dan tadbir urus demokratik, dengan sentiasa mengutamakan matlamat sosial dan kesejahteraan insan berbanding keuntungan dalam penggunaan hasil pendapatan serta aset mereka.

Di Malaysia, SSE menjejak akarnya daripada amalan bantuan bersama dan semangat gotong-royong, iaitu amalan kerjasama dalam kehidupan bermasyarakat. Tradisi budaya dan agama juga telah lama membentuk pemahaman komuniti bahawa pembangunan adalah satu proses yang melangkaui keuntungan material semata-mata. Melalui konteks ini, inisiatif seperti pertubuhan koperasi serta model kewangan dan kredit berteraskan nilai keagamaan telah membantu mencorak landskap ekonomi negara.

Peranan APPGM-SDG dalam Memperkukuh SSE di Malaysia

Sejak memulakan gerak kerja penyetempatan SDG kami, APPGM-SDG telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan landskap SSE di Malaysia. Antara tahun 2022 hingga 2025, kami telah



Forum ASEAN SDG-SSE 2026 pada 20 - 21 Mei 2026.

menyokong 1,425 projek mikro yang memenuhi keperluan tempatan di 143 kawasan Parlimen, di mana kebanyakannya mengamalkan prinsip SSE. Projek-projek ini, yang dilaksanakan oleh 1,009 Rakan Solusi (SP), telah memberi manfaat kepada kira-kira 43,000 individu daripada komuniti tempatan di pelbagai lokasi.

Kejayaan projek-projek ini terletak pada model pendekatan bawah-ke-atas (*bottom-up*) kami, di mana kami menjalin kerjasama jangka panjang dengan komuniti, menyokong pelaksanaan projek bukan sahaja dari segi kewangan, malah membina kapasiti mereka untuk kekal mampan. Projek-projek tersebut juga dinilai berdasarkan impak yang selaras dengan SDG bagi memastikan semuanya menyumbang kepada matlamat global bermula dari peringkat akar umbi.

APPGM-SDG turut menyediakan platform bagi hasil dan produk projek untuk dipasarkan serta dipamerkan kepada masyarakat—sebagai contoh, melalui acara TAMU SDG yang dianjurkan dengan jayanya di Parlimen pada 1 hingga 2 Disember tahun lalu. Selain itu, impak projek terhadap komuniti didokumentasikan sebagai bukti bagi perbincangan dasar di setiap peringkat, daripada peringkat tempatan hingga ke peringkat kebangsaan.

Kolum Rencana Khas

Penubuhan Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad

Bagi memperkukuh lagi ekosistem yang telah kami bina bersama komuniti, penginstitutionan yang lebih mendalam adalah diperlukan. Penubuhan Koperasi SDG (Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad) pada 10 April 2025 menawarkan langkah konkrit ke hadapan. Koperasi SDG ini akan menyerapkan prinsip SSE ke dalam struktur formal, membolehkan pemantauan impak yang konsisten, serta menyediakan model yang boleh dicontohi bagi pembangunan akar umbi di seluruh negara.



Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Koperasi SDG pada 7 April 2026.

Di samping itu, Koperasi SDG akan membantu memperluas akses pasaran bagi produk komuniti APPGM-SDG serta mempromosikan rantaian nilai yang lebih inklusif. Ia juga akan menghimpunkan produk tempatan dengan menyatukan bekalan daripada pelbagai komuniti bagi memenuhi permintaan kuantiti dan kualiti. Seterusnya, ia akan bertindak sebagai entiti formal yang menghubungkan perusahaan akar umbi dengan sektor swasta untuk perkongsian komersial dan pelaburan.

SSE dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)

SSE turut menerima dorongan besar daripada pengiktirafan kerajaan baru-baru ini terhadap sektor ketiga dan ekonomi sosial sebagai pemacu strategik pertumbuhan ekonomi di bawah RMK13. Pengiktirafan ini memberikan keutamaan untuk menjadikan ekonomi negara lebih berteraskan manusia dan tidak hanya bertumpu kepada pertumbuhan material semata-mata, di samping memperkenalkan dasar ekonomi sosial yang khusus bagi merangka hala tuju nasional yang jelas dan bersepadu.

Perkembangan ini menjadi peluang keemasan bagi APPGM-SDG untuk memperkukuh lagi peranan kami dalam mempromosikan SSE di peringkat penggubalan dasar negara. Bagi menyokong kejayaan pelaksanaan RMK13, kami baru-baru ini telah melancarkan inisiatif pemantauan akar umbi empat peringkat yang diterajui oleh badan pemikir dasar kami, MySDG Centre for Social Inclusion (MySDG-CSI).

Rangka kerja pemantauan tersebut, yang telah ditambah baik dengan input daripada rakan-rakan masyarakat sivil kami, akan dilaksanakan dengan menggerakkan rangkaian akar umbi kami di seluruh negara. Ia merangkumi sepuluh domain yang selaras dengan bidang keutamaan RMK13, termasuk SSE sebagai salah satu domain tersebut. Sebelum pemantauan bermula, satu modul latihan akar umbi mengenai Hak Kewarganegaraan dan RMK13 telah dilaksanakan sejak Februari tahun ini bagi meningkatkan kesedaran serta mentransformasikan ahli rangkaian tempatan kami menjadi ejen pemantauan.

Peta Hala Tuju ASEAN SDG-SSE

Melangkaui sempadan Malaysia, kami turut memainkan peranan penting dalam menyokong kemajuan SSE di peringkat serantau. Bermula tahun 2026, MySDG-CSI dengan kerjasama Akademi MySDG dan Majlis Ekonomi Solidariti Asia (ASEC) akan melaksanakan Peta Hala Tuju SDG-SSE ASEAN (2026-2030), bagi menyelaraskan inisiatif bersama masyarakat sivil serantau demi memperkukuh sumbangan SSE terhadap pembangunan ASEAN yang inklusif dan berteraskan rakyat.

Peta Hala Tuju tersebut telah dirangka pada tahun lalu semasa Forum SDG-SSE ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur dari 26 hingga 27 Mei, sempena kepengerusian Malaysia bagi badan serantau tersebut. Ia merupakan hasil usaha kolektif oleh rakan-rakan kerjasama kami di seluruh negara ASEAN. Peta Hala Tuju ini menggariskan lima matlamat dan 31 sasaran, yang merangkumi secara komprehensif langkah-langkah untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi komuniti yang terlibat dalam inisiatif SSE di seluruh rantau Asia Tenggara.

Kesimpulan

Daripada komuniti tempatan sehinggalah kepada dasar nasional dan kerjasama serantau, APPGM-SDG terus memacu kemajuan SSE di setiap peringkat. Usaha yang saling berkait ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk membina sebuah ekonomi yang berteraskan solidariti, keterangkuman, perkongsian manfaat, serta kesaksamaan.



Akademi MySDG telah mengadakan Mesyuarat Susulan Pemerkasaan Sektor Ketiga pada 23 April 2026 di Garden Spring Cheras yang berfokus kepada Ekonomi Sosial dan Peranan Sektor Ketiga.

Oleh Dr. Khairil Ahmad
(Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial)

LIPUTAN KHAS MENGENAI PETA HALA TUJU ASEAN SDG-SSE



Tatkala komuniti global memasuki tempoh lima tahun terakhir menjelang Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, rantau ASEAN telah mengorak langkah monumental ke hadapan dalam mentakrifkan semula daya tahan ekonomi. Pada 20–21 Mei 2026, berteraskan hasil daripada Forum SDG-SSE 2025 yang dianjurkan oleh APPGM-SDG di Kuala Lumpur, **Persidangan Serantau Mengenai Kemakmuran melalui Solidariti 2026: Mempercepat Peta Hala Tuju ASEAN SSE-SDG** yang amat dinantikan telah berlangsung secara dalam talian, menandakan peralihan muktamad daripada model kebajikan sosial tradisional kepada integrasi ekonomi yang inklusif. Persidangan ini telah dihoskan di Filipina memandangkan negara tersebut mempengerusikan ASEAN pada tahun ini, sekali gus memberikan dorongan serantau yang simbolik kepada acara tersebut.

Beroperasi sebagai acara utama bagi Pilar Ekonomi ASEAN 2026 di bawah tema menyeluruh "*Mengemudi Masa Hadapan: Ekonomi Sosial dan Solidariti sebagai Pemacu Kemakmuran ASEAN*", forum tersebut telah berjaya menyelaraskan sektor kerajaan, agensi antarabangsa, penggubal dasar, dan masyarakat sivil. Di bawah rangka kerja diplomatik Kepengerusian ASEAN 2026 oleh Filipina, persidangan ini berfungsi sebagai wadah pelaksanaan rasmi bagi Peta Hala Tuju ASEAN SDG-SSE (2026–2030) yang bersejarah, yang telah dilancarkan sebagai hasil daripada Forum 2025 di Malaysia.



Nadi kepada pencapaian bermakna ini adalah kepimpinan kolaboratif daripada **APPGM-SDG** dan **Akademi MySDG**, yang melangkah ke persada antarabangsa sebagai salah satu penganjur bersama utama serta arkitek program tersebut.

Kerjasama Pelbagai Hala dan Pengiktirafan Global Kejayaan forum ini merupakan kemuncak kepada persediaan rapi merentas sempadan selama beberapa bulan. Menjelang acara tersebut, **APPGM-SDG**, **Akademi MySDG**, **Suruhanjaya Membanteras Kemiskinan Kebangsaan (NAPC)**, **Majlis Ekonomi Solidariti Asia (ASEC)**, dan **Bayan Family of Foundations (BFF)** telah melaksanakan siri pertukaran merentas sempadan dan konsultasi maya bagi menyelaraskan pelbagai keperluan negara-negara anggota. Usaha persediaan yang inklusif ini memastikan forum tersebut melangkaui sekadar dialog biasa, sebaliknya berjaya merangka peta jalan yang sangat praktikal untuk pelaksanaan di peringkat tempatan.



Asas kerja yang kukuh ini telah mendapat pengiktirafan dan pengesahan yang signifikan di peringkat tertinggi. Persidangan dimulakan dengan ucapan aluan yang memberi inspirasi oleh kepimpinan bandar raya hos—**Datuk Bandar Joy Belmonte** dari Quezon City, Filipina—yang memperjuangkan unit kerajaan tempatan sebagai

"institusi utama" (*anchor institutions*) yang diperlukan untuk mewujudkan pasaran yang stabil bagi komuniti akar umbi. Mandat politik ini diperkukuh lagi melalui ucap-tama daripada para eksekutif nasional peringkat tertinggi, termasuk **Presiden Ferdinand Marcos Jr.** dan Setiausaha Konvenor Utama NAPC, **Lope B. Santos III**, sekali gus menandakan sokongan institusi yang mutlak terhadap transformasi sektor ketiga di rantau ini.

Forum ini juga dicirikan oleh kepelbagaian suara yang luar biasa. Inisiatif tersebut telah menghimpunkan lebih 200 eksekutif kanan, pemimpin dasar, wakil badan sektoral ASEAN, dan pengamal SSE antarabangsa bagi menyelaraskan pihak berkepentingan serantau serta menggerakkan komitmen demi perubahan transformatif. Kesemua ini berlangsung menerusi pertukaran dalam talian selama dua hari. Platform ini menampilkan lapan sesi perbincangan panel yang diadakan sepanjang dua hari tersebut dengan penglibatan sekitar 35 penceramah dari lebih 10 buah negara.

Sorotan Mendalam: Akademi MySDG dan Rangkaian Rakan Kerjasama Mengenai Penggembengan Pihak Berkepentingan


Satu titik tumpuan utama pada Hari 1 ialah Panel 2: Peta Hala Tuju ASEAN SDG-SSE 2026-2030: Komponen dan Hasil Mobilisasi Pihak Berkepentingan, yang telah dikendalikan dengan begitu mahir oleh Cik Zoel Ng, Pengarah Akademi MySDG selaku moderator.

Di bawah bimbingan beliau, sesi tersebut telah memperincikan 5 matlamat utama dan 31 sasaran di bawah peta hala tuju serantau khusus bagi tempoh 5 tahun yang dilancarkan pada Januari 2026, bagi menerokai cara tepat untuk menterjemahkan sasaran antara kerajaan peringkat tinggi kepada tindakan di peringkat tempatan. Perbincangan tersebut menampilkan barisan tokoh hebat yang mewakili suara serantau:

- Dr. Eri Trinurini (Pengerusi ASEC dan Wakil Asia dalam Lembaga RIPESS, Indonesia) memperincikan strategi bagi penyelarasan merentas sempadan, dengan menekankan bagaimana rantaian bekalan serantau boleh menerapkan perusahaan sosial secara terancang.
- Maria Teresa Arca-Guardiano (Pegawai Bertanggungjawab, Bahagian Projek Khas, Quezon City PESO, Filipina) berkongsi pengalaman praktikal mengenai usaha sokongan kerajaan terhadap perusahaan akar umbi dan sosial.

- Dr. Victor P. Karunan (Pensyarah Kanan Pelawat dalam Pengajian Pembangunan Antarabangsa di Universiti Chulalongkorn, Bangkok) merangka kerangka kerja data yang diperlukan untuk mengukur komitmen pihak berkepentingan secara sistematik di seluruh negara anggota.
- Rully N. Amrullah (Pengarah Eksekutif Gabungan Filantropi Indonesia) mengulas mengenai perkongsian tersebut dengan menyatakan kepentingan kritikal dalam merapatkan jurang dengan komuniti akar umbi dan luar bandar dalam usaha membina kemakmuran melalui solidariti.

Panel 2 ini muncul sebagai jambatan penting dalam merungut kaedah untuk kerajaan negeri, entiti akademik, dan komuniti setempat melabur bersama secara dalam bentuk sumber manusia dan kewangan ke dalam satu ekosistem serantau yang bersepadu.



Menonjolkan Pemerkasaan Akar Umbi: Perkongsian Awam, Swasta & Masyarakat Sipil dalam Membina Ekosistem SSE

Satu lagi sesi yang memperkayakan kedalaman program forum tersebut ialah sesi perkongsian yang menonjolkan kerjasama merentas sektor, yang menampilkan **Nur Farah Ezzaty**, Pengarah Jabatan Pengurusan Projek di APPGM-SDG.

"Perkongsian tulen tidak berlaku secara kebetulan. Ia memerlukan struktur formal, atau sekurang-kurangnya dialog yang kerap." Melalui kata-kata ini, Farah Ezzaty berkongsi pengalaman praktikal mengenai perkongsian pelbagai pihak berkepentingan di APPGM-SDG, dengan usaha yang difokuskan kepada penyetempatan tindakan serta pembinaan Ekosistem SSE dari peringkat akar umbi. Beliau menekankan usaha semasa dalam mengarusperdanakan sektor ketiga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Pembangunan mampan tidak boleh sekadar

menganggap komuniti setempat sebagai penerima manfaat yang pasif; sebaliknya, ia mesti membina kapasiti mereka untuk menjadi rakan kongsi dalam memacu pembangunan.

“SSE ialah sebuah transformasi ekonomi yang sistemik, dan masanya adalah sekarang,” kongsi beliau.

Kejayaan Kewangan & Dasar Awam

Melampaui aspek penggembleran, forum ini turut membawakan sumbangan teknikal yang mendalam dalam bidang kewangan dan dasar struktur. Panel 5, Dasar Awam yang Kondusif untuk Memperkukuh SSE, menampilkan **Dr. Khairil Ahmad** (Pengarah Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial) bersama Marta Perez Cuso daripada UN-ESCAP, telah merangka bagaimana rangka kerja perundangan boleh melindungi dan memperluas skala sektor ketiga secara aktif. Beliau berkongsi bahawa dasar bertindak sebagai asas kepada tindakan. “Dalam semua usaha dasar kami, kami telah mengetengahkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh perusahaan di lapangan. Pandangan praktikal ini amat penting, terutamanya dalam proses membangunkan Ekonomi Solidariti Sosial.”

Semasa Panel 7, Inovasi dalam Penilaian Impak Sosial Entiti SSE, Dr. Khairil Ahmad dan Paniirselvam Jayaraman (Pengarah Jabatan Solusi Dasar di APPGM-SDG) telah membentangkan kit alatan penyelidikan termaju, yang menawarkan penunjuk jelas untuk menjejaki sumbangan SSE kepada grid SDG nasional. Paniirselvam menekankan bahawa penubuhan jawatankuasa SDG pelbagai pihak berkepentingan di peringkat tempatan dapat memperkukuh penyertaan serta akauntabiliti, selain berkongsi bagaimana APPGM-SDG komited dalam menyokong penyaluran data peringkat komuniti kepada penggubal dasar nasional.

Melangkah ke Hadapan: Sidang Kemuncak Fizikal Oktober 2026 dan Seterusnya

Momentum yang dibina sepanjang forum eksekutif maya ini kini sedang disalurkan ke fasa diplomasi serantau yang seterusnya. Kumpulan kerja bersama sedang mengemukakan resolusi forum tersebut kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri (DFA) dan Jabatan Perdagangan dan Industri (DTI) bagi memantapkan hasil ini secara rasmi dalam Kalendar Rasmi Pilar Ekonomi ASEAN.

Pencapaian bermakna ini akan kemuncak dalam sebuah Persidangan Fizikal Provisional berskala penuh pada Oktober 2026 di Pusat M.I.C.E. Quezon City, yang dijangka menghimpunkan antara 500 hingga 1,000 delegasi bagi memuktamadkan mekanis operasi People’s Bayanihan Fund. Pada masa yang sama, Akademi MySDG dan APPGM-SDG akan memperjuangkan keutamaan serantau ini (Ekonomi sosial dan Mengarusperdanakan sektor ketiga) di Sidang Kemuncak SDG Belia Malaysia 2026 yang akan datang, dengan melaksanakan usaha meluas dalam penyediaan kertas dasar khusus yang diterajui oleh golongan belia.

Melalui komitmen pelbagai hala yang saling berkait rapat, gabungan tenaga daripada APPGM-SDG, Akademi MySDG, NAPC, ASEC, dan BFF memastikan bahawa integrasi Ekonomi Sosial dan Solidariti akan meninggalkan warisan struktur yang mendalam di seluruh rantau ini—sekaligus membina sebuah komuniti ekonomi yang benar-benar inklusif, mampan, dan berteraskan rakyat.

*Oleh Zoel Ng & Saparguly Mahtumov
(Akademi MySDG)*

PAPARKAN KISAH ANDA



Mahukan kisah anda dipaparkan dalam buletin kami? Jom kongsi cerita anda sekarang.



3

MENYEMAI SDG DARI AKAR UMBI



Social Lab tidak bermula sebagai sebuah projek yang besar; ia bermula sebagai sebuah kepercayaan yang tenang. Pada tahun 2021, saya bertanya kepada diri sendiri satu soalan: *bagaimana jika sebuah platform boleh berkembang dari peringkat akar umbi untuk menjadi titik rujukan komuniti yang dipercayai—sebuah ruang di mana ilmu pengetahuan mengalir antara universiti, koperasi, dan komuniti, yang dibentuk oleh kearifan tempatan, serta dilestarikan melalui tanggungjawab bersama?* Pada ketika itu, *Social Lab* hanya wujud sebagai sebuah idea yang dirangka dengan sengaja dan dirancang dengan teliti, berteraskan keperluan sebenar komuniti serta persekitaran sekeliling.

Menjelang tahun 2022, *Social Lab* beralih daripada konsep kepada realiti. Kami bermula dengan sebuah rumah hijau tunggal, yang menjadi ruang fizikal dan sosial bagi komuniti berkumpul, belajar, dan bereksperimen bersama-sama. Ia ditubuhkan sebagai platform untuk perkongsian pengalaman dan pendidikan, dengan menggunakan pertanian organik sebagai titik permulaan praktikal untuk menangani isu sekuriti makanan, kesihatan, dan kelangsungan hidup. Ini menandakan detik perubahan daripada niat kepada tindakan, dan daripada perancangan kepada pembinaan kepercayaan.

Terdapat pelbagai rintangan di sepanjang perjalanan tersebut. Ramai yang meragui keberkesanan dan nilai kewangan teknik organik, justeru pengenalannya menuntut kesabaran yang tinggi. Daya tahan kami telah diuji oleh kekurangan sumber, cabaran dalam

pengurusan air, dan keperluan untuk mengimbangi perlindungan alam sekitar dengan tuntutan pendapatan harian. Walau bagaimanapun, kaedah *Social Lab* yang bersandarkan pendekatan belajar sambil melakukan, menyesuaikan diri dengan realiti tempatan, dan memastikan bahawa setiap penyelesaian adalah milik komuniti itu sendiri dan bukannya dipaksa dari luar, menjadi semakin kukuh hasil daripada cabaran-cabaran ini.

Menjelang tahun 2023, *Social Lab* telah berkembang menjadi sebuah model berstruktur yang berfokuskan kepada amalan pengurusan dan pertanian organik. Ahli komuniti telah diangkat daripada sekadar peserta kepada pengurus bersama bagi sistem tersebut. Melangkaui aspek pengeluaran tanaman, para pelajar turut mempelajari cara untuk menyusun atur dan menguruskan kebun, menyelenggara rekod, mengendalikan aktiviti perniagaan asas, mengamalkan kebersihan yang baik, serta menguruskan sumber secara berkesan. Sepanjang fasa ini, akauntabiliti telah diperkukuh, produktiviti meningkat, dan peluang pekerjaan yang sedia ada telah diwujudkan, terutamanya bagi kaum wanita dan golongan muda.



Menjelang tahun 2024, kebolehskalaan (*scalability*) meningkat seiring dengan peningkatan kepercayaan dan kapasiti. Dengan sokongan daripada APPGM-SDG, *Social Lab* telah berkembang kepada 30 buah rumah hijau yang mengusahakan lebih daripada 40 jenis sayur-sayuran. Akses yang lebih baik kepada makanan berkhasiat telah meningkatkan tahap kesihatan isi rumah, manakala amalan pengurusan air dan tanah yang lebih cekap memperkukuh kelestarian alam sekitar. Sektor pendidikan juga beralih daripada tumpuan terhadap hasil jangka pendek kepada pembelajaran berterusan dan praktikal, dengan memberi penekanan kepada perubahan tingkah laku jangka panjang dalam kalangan peserta.

Suara dari Akar Umbi



Menjelang tahun 2024, kebolehskalaan (*scalability*) meningkat seiring dengan peningkatan kepercayaan dan kapasiti. Dengan sokongan daripada APPGM-SDG, *Social Lab* telah berkembang kepada 30 buah rumah hijau yang mengusahakan lebih daripada 40 jenis sayur-sayuran. Akses yang lebih baik kepada makanan berkhasiat telah meningkatkan tahap kesihatan isi rumah, manakala amalan pengurusan air dan tanah yang lebih cekap memperkukuh kelestarian alam sekitar. Sektor pendidikan juga beralih daripada tumpuan terhadap hasil jangka pendek kepada pembelajaran berterusan dan praktikal, dengan memberi penekanan kepada perubahan tingkah laku jangka panjang dalam kalangan peserta.

Menjelang tahun 2025, *Social Lab* memajukan lagi misinya melalui pembangunan Social Lab: TaniKu, yang menyepadukan pembelajaran komuniti dengan model perniagaan tani berasaskan komuniti. Melalui TaniKu, pertanian organik telah dijenamakan semula daripada sekadar aktiviti sara diri kepada punca pendapatan yang dihormati, lestari, dan berdaya maju dari segi kewangan. Dilengkapi dengan pengetahuan tentang pasaran, rantai nilai, strategi penetapan harga, dan pemasaran kolektif, komuniti telah diperkasa untuk mengambil bahagian dengan yakin dan kompetitif dalam ekonomi tempatan.

Social Lab berkembang melangkaui pengeluaran hasil segar untuk mencipta TaniKu, sebuah rangkaian produk nilai tambah yang diperbuat daripada bahan organik yang diperolehi secara langsung dari kebun mereka. Komuniti mula menghasilkan sabun semula jadi, buah-buahan kering seperti nenas, dan produk organik diproses yang lain, sekali gus mengurangkan kerugian pascatuai di samping meningkatkan nilai produk dan potensi pendapatan. Peralihan daripada pengeluaran bahan mentah kepada penciptaan nilai ini telah memperkukuh rantai bekalan tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan baharu, dan meningkatkan ketahanan ekonomi di peringkat akar umbi. Melalui TaniKu, pertanian menjadi lebih daripada sekadar bercocok tanam—ia menjadi satu bidang keusahawanan. Ekonomi tempatan diperkukuh, pendapatan isi rumah bertambah baik, dan kadar kemiskinan dikurangkan melalui model

lestari milik komuniti yang menghubungkan tanah terus ke pasaran, serta menghubungkan pembelajaran kepada kelangsungan hidup yang berkekalan.



APPGM-SDG telah memainkan peranan yang amat penting dalam memperkukuh perjalanan ini. Ia menghubungkan pengalaman sebenar komuniti dengan perbincangan dasar bagi menunjukkan bagaimana model bersepadu yang dipandu oleh komuniti mampu menyumbang kepada pelbagai SDG, termasuk membasmi kemiskinan dan kelaparan, mempromosikan kesihatan yang baik dan kesejahteraan, menyediakan pendidikan berkualiti, memastikan air bersih dan sanitasi, menggalakkan pekerjaan yang sedia ada dan pertumbuhan ekonomi, membina komuniti yang lestari, mengamalkan pengeluaran yang bertanggungjawab, serta menjalinkan kerjasama demi mencapai matlamat tersebut.

Kesan paling besar daripada *Social Lab* adalah terhadap insan-insan yang mengendalikannya. Penduduk di kawasan sekitar kini mampu menjana pendapatan dengan yakin. Golongan muda mula melihat pertanian sebagai satu pilihan kerjaya yang baik. Komuniti juga beralih daripada sebuah kelompok yang bergantung kepada orang lain kepada sebuah komuniti yang mampu berdikari atas keupayaan sendiri.

Perjalanan ini diteruskan dengan satu pegangan yang menjadi panduan: pembangunan lestari tidak hadir secara berserah, melainkan ia perlu dipupuk. Melalui *Social Lab*, SDG bukan lagi komitmen global yang jauh dari jangkauan, sebaliknya merupakan realiti yang dihidupkan—dizahirkan melalui kepercayaan, diperkukuh melalui perkongsian, dan dilestarikan melalui pembelajaran kolektif.

Oleh Nathaniel Maikol
(Rakan Solusi APPGM-SDG)



MENYEMAI KETERJAMINAN MAKANAN DARI AKAR UMBI: PERJALANAN SDG KAMI DI DUNGUN



kebergantungan kepada makanan ternakan komersial yang mahal. Ini secara langsung menyokong matlamat SDG berkaitan Keterjaminan Makanan dan Pertanian Lestari, di samping membantu mengurangkan kos operasi dan meningkatkan daya tahan projek.



Perjalanan saya bersama APPGM-SDG bermula dengan satu matlamat yang jelas: memperkukuh keterjaminan makanan di peringkat komuniti melalui pendekatan pertanian yang praktikal dan mampan. Sebagai Rakan Solusi bagi projek penanaman Napier dan penternakan biri-biri di Kampung Tok Kah, Dungun, saya telah menyaksikan sendiri bagaimana sebuah inisiatif kecil di peringkat akar umbi mampu membawa perubahan besar kepada peserta dan komuniti setempat.

Projek ini juga memberi penekanan kepada kesihatan dan kebajikan ternakan. Peserta dilatih untuk melakukan pemeriksaan kesihatan asas, mengenal pasti simptom awal penyakit, dan mengambil tindakan pencegahan. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan biri-biri, malah membantu memastikan produktiviti ternakan berada pada tahap yang lebih stabil dan mampan.

Pada peringkat awal, kebanyakan peserta mempunyai pendedahan yang terhad terhadap amalan pertanian yang lebih sistematik. Mereka banyak bergantung kepada kaedah tradisional serta makanan ternakan komersial yang meningkatkan kos operasi dan mengurangkan kelestarian jangka panjang. Melalui projek ini, kami memperkenalkan aktiviti berstruktur seperti penanaman Napier, penyediaan silaj, pemeriksaan kesihatan biri-biri secara berkala, serta pengurusan najis secara organik. Aktiviti-aktiviti ini bukan sekadar latihan teknikal, malah menjadi proses pembelajaran yang membina keyakinan, disiplin kerja dan rasa tanggungjawab dalam kalangan peserta.

Dalam pelaksanaan projek, kami turut berdepan beberapa cabaran seperti pertumbuhan Napier yang tidak sekata serta pengurusan najis yang kurang efisien pada peringkat awal. Namun, cabaran ini menjadi peluang pembelajaran yang berharga. Melalui perancangan semula jadual tuaian, penggunaan mesin pencincang untuk penyediaan silaj yang lebih seragam, serta pengenalan sistem kompos, kami berjaya menambah baik kebersihan ladang dan menukar sisa kepada baja organik. Ini menyokong matlamat SDG berkaitan kelestarian alam sekitar dan pengurusan sumber secara bertanggungjawab.

Salah satu impak paling ketara ialah peningkatan keupayaan peserta untuk berdikari. Dengan kemahiran menuai Napier dan menghasilkan silaj sendiri, mereka dapat mengurangkan



Yang paling bermakna bagi saya ialah melihat perubahan dari sudut kemanusiaan. Peserta yang dahulunya kurang yakin kini menjadi lebih proaktif, berdisiplin dan berani membuat keputusan di lapangan. Ada dalam kalangan mereka yang menunjukkan kepimpinan, mengurus aktiviti, serta terlibat dalam urusan jualan dan pengurusan ternakan. Transformasi ini membuktikan bahawa impak SDG bukan sekadar angka atau laporan, tetapi perubahan sebenar dalam kehidupan, kemahiran dan hala tuju peserta.

Perjalanan ini mengajar saya bahawa pembangunan mampan bermula di peringkat akar umbi. Dengan bimbingan yang betul, sokongan berterusan dan semangat kerjasama komuniti, projek berskala kecil mampu menghasilkan perubahan yang berkekalan. Projek kami di Kampung Tok Kah menjadi bukti bahawa keterjaminan makanan, kelestarian alam sekitar dan pemerksaan komuniti boleh berkembang bersama — bermula dari satu ladang Napier dan satu komuniti pada satu masa.

*Oleh Syahir Ammar Sazely
(Rakan Solusi APPGM-SDG)*

Dianjurkan oleh  Dibiayai oleh  **YAYASAN HASANAH**
A foundation of Khazanah Nasional

RISE X TAMU SDG

"Memperkasakan Komuniti, Menunjukkan Kesan" 2026

PANTAI TIMUR

RISE x TAMU SDG
19-20 JUN 2026
[Jemputan Tertutup]

TAMU SDG
21 JUN 2026
Mydin Tunjong
Hypermarket, Kota Bharu

Anjuran APPGM-SDG melalui Dana Kelestarian Rakan APPGM-SDG, Inisiatif Intervensi Dasar

Disokong oleh    

5 5 - 6 MEI 2026



**MEMPERKUKUH TADBIR URUS TEMPATAN DI ZON UTARA:
FORUM INTERVENSI DASAR SDG PACU KELESTARIAN DAERAH**

Pada 5 hingga 6 Mei 2026, The Light Hotel Penang telah menjadi lokasi penganjuran Forum Tadbir Urus dan Intervensi Dasar SDG Zon Utara. Forum bertemakan “Memperkukuh Institusi Tempatan demi Tadbir Urus yang Lebih Mampan” ini berjaya menghimpunkan lebih 30 pegawai kerajaan khususnya Pegawai dari Pejabat SUK, Pegawai Daerah, Ketua Penolong Pegawai Daerah & Penolong, wakil daripada NCER dan Pejabat Tanah dan Galian. Forum ini bertujuan untuk merekod amalan terbaik kepimpinan pegawai kerajaan peringkat daerah dan membentuk perkongsian antara negeri di zon Utara.

Hari Pertama (Fokus kepada Pemantapan Tadbir Urus Daerah Program) dimulakan dengan perasmian oleh TPr. Gs. Mohd Bashir Sulaiman (MBPP), diikuti ucapnama oleh Dato’ Muhamad Mahazi Haji Ibrahim (Timbalan SUK Kedah) yang menekankan kepentingan tadbir urus inklusif. Sesi dialog pertama pula membincangkan jurang antara polisi nasional dengan keperluan komuniti yang melibatkan Pegawai Daerah (DO) dan Penolong Pegawai Daerah (CADO) dari Larut Matang dan Selama, Kota Setar, Langkawi, serta pejabat SUK Perlis. Hari pertama diakhiri dengan sesi meja bulat bagi berkongsi amalan terbaik dalam penyempatan SDG.



Hari Kedua (Mendepani Cabaran dan Menterjemah Dasar ke Akar Umbi Hari kedua) dimulakan dengan kupasan sosioekonomi oleh Prof. Tan Sri Dato’ Seri Dr. Noor Azlan Ghazali (MINDA UKM) mengenai langkah strategik masa hadapan Malaysia. Sesi dialog seterusnya melibatkan barisan pegawai dari PDT Kerian, Padang Terap, Selama, dan Kuala Muda yang memfokuskan kepada pembangunan daerah yang berpaksikan kesejahteraan rakyat. Kemuncak forum menyaksikan perbincangan mengenai kepimpinan melalui teladan oleh Pegawai-Pegawai Daerah dari Seberang Perai Tengah, Hilir Perak, Baling, dan Bandar Baharu dalam memastikan dasar nasional sampai kepada masyarakat dengan berkesan.

Rakan APPGM-SDG juga turut membuka pameran produk ekonomi sosial tajaan APPGM-SDG dan membawa cerita kelestarian program komuniti APPGM-SDG. Mereka telah membuat jualan ekonomi sosial sekitar RM3,000 dan juga telah membuka ruang kepada perolehan sosial daripada pejabat kerajaan, selaras dengan agenda memperkasa sektor ketiga di RMK-13.

Program ini adalah dianjurkan melalui Inisiatif intervensi Dasar, sebuah usahasama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan.

*Oleh Dr. Thanaraj Murudi & Paniirselvam Jayaraman
(Ketua Zon Utara dan Pengarah Jabatan Solusi Dasar)*



MEMPERKASA PANTAI TIMUR: SINERGI APPGM-SDG DAN UMK DALAM MEMACU AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN

Seminar Kajian Kemasyarakatan dan SDG di Zon Pantai Timur: Penilaian Dapatan di Kawasan Parlimen Terpilih telah dilangsungkan dengan jayanya di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Kota, Pengkalan Chepa.

Sesi pertama seminar yang dikendalikan oleh TPr. Nurul Syaza (APPGM-SDG) memfokuskan kepada pembentangan hasil dapatan kajian pemetaan isu dan pencapaian SDG bagi empat kawasan Parlimen utama iaitu Kubang Kerian, Pengkalan Chepa, Jerantut, dan Rompin dan telah disampaikan oleh Dr Siti Nur Ain dan Nur Syadhira dari APPGM-SDG. Pengulas jemputan, Dr. Yusmazida Mohd Yusoff (Pensyarah UMK), telah memberikan ulasan yang amat mendalam berkaitan isi kandungan, metodologi, kesahan isu dan perkara teknikal berhubung hasil kajian yang diketengahkan. Sesi ini juga memperlihatkan interaksi dua hala apabila para peserta mengajukan pelbagai soalan kritis berkaitan dapatan kajian di samping melontarkan pandangan-pandangan yang bernas.



Melangkah ke sesi kedua, perbincangan beralih kepada wacana lebih mendalam mengenai hala tuju pembangunan Zon Pantai Timur yang sejahtera. Panelis yang terdiri daripada Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Ketua Sekretariat APPGM-SDG), En. Suharmizi Hamzah (Ahli Majlis Daerah Setiu), Dr. Siti Nur Ain serta Muhammad Faris Mohamed Basir, (Penolong Pegawai Tadbir (Penyelaras Projek) Pusat Khidmat DUN Bunut Payong) telah berkongsi realiti sebenar di lapangan. Mereka menekankan kepentingan kesepaduan dalam menyelesaikan isu masyarakat dengan mengambil kira arus mega-lokal yang memberi kesan langsung kepada kehidupan penduduk setempat.



Majlis ilmu ini dihangatkan lagi dengan kehadiran barisan kepimpinan akademik UMK termasuk Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Prof. Madya Dr. Dzulkifli Mukhtar, serta Pengarah Eksekutif APPGM-SDG, Pn. Nur Rahmah Othman. Penglibatan pelbagai pihak daripada kalangan pensyarah, pelajar pascasiswazah, hingga wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) mencerminkan sokongan kuat terhadap inisiatif pembangunan berasaskan bukti demi kesejahteraan masa depan Zon Pantai Timur.

Oleh Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
(Ketua Zon Pantai Timur)

7 14 MEI 2026



DARI LENSA ZON SELATAN: MENGERAKKAN AGENDA SDG BERSAMA PENYELARAS TEMPATAN

“Negara memerlukan lebih ramai saintis sosial yang mengusahakan penyelesaian dasar terhadap keperluan akar umbi.” – Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria

Satu sesi perkongsian dapatan dan gerak kerja Penyelaras Tempatan (LC) Zon Selatan telah diadakan di Impiana Hotel, Senai. Sesi ini menjadi platform penting untuk menilai perkembangan pelaksanaan inisiatif di lapangan, berkongsi pengalaman antara negeri, serta memperkukuh peranan LC dalam mendukung agenda pembangunan mampan berasaskan komuniti.

Perbincangan memberi fokus kepada padanan isu dan keperluan tempatan dengan agenda pembangunan di peringkat nasional, termasuk penilaian terhadap proses penyelesaian isu, keberkesanan intervensi yang dilaksanakan, serta usaha memperkukuh koordinasi antara pelbagai agensi dan pihak berkepentingan. Pendekatan ini bertujuan memastikan isu yang dibangkitkan oleh komuniti dapat diterjemahkan kepada tindakan yang lebih tersusun, responsif dan berimpak tinggi.



Antara pembelajaran utama yang diketengahkan termasuklah kepentingan merujuk kepada Deklarasi Doha dalam agenda pembangunan sosial, keperluan memperkukuh platform penyelesaian isu berasaskan komuniti, serta meningkatkan kesediaan dan penerimaan Pegawai Daerah (DO) terhadap peranan LC sebagai rakan strategik dalam pembangunan setempat. Perbincangan turut menyentuh kepentingan membina mekanisme penyelesaian isu yang lebih bersepadu melalui kerjasama erat antara agensi, sekali gus mengurangkan pertindihan fungsi dan mempercepatkan tindakan susulan terhadap isu yang dikenal pasti.

Sesi ini turut membuka ruang kepada pertukaran pengalaman dan amalan terbaik antara negeri, khususnya dalam aspek pengurusan isu komuniti, pengumpulan data lapangan, pelaksanaan intervensi sosial serta pemantauan impak program. Perkongsian ini membantu memperluas perspektif peserta terhadap pendekatan yang boleh disesuaikan mengikut konteks dan keperluan setiap kawasan, di samping memperkukuh jaringan kerjasama antara LC di Zon Selatan.



Selain itu, peserta turut menekankan kepentingan penggunaan data lapangan dan bukti berasaskan komuniti dalam menyokong proses pembuatan keputusan. Maklumat yang diperoleh melalui penglibatan langsung bersama masyarakat bukan sahaja membantu mengenal pasti punca sebenar sesuatu isu, malah menjadi asas kepada cadangan penyelesaian yang lebih bersasar, praktikal dan mampan. Pendekatan berasaskan bukti ini dilihat penting dalam memastikan dasar dan program yang dirangka benar-benar memenuhi keperluan komuniti serta memberi impak yang dapat diukur.

Usaha ini dilaksanakan melalui Inisiatif Intervensi Dasar yang digerakkan oleh APPGM-SDG dengan kerjasama Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan. Sesi tersebut turut mendapat input dan pandangan daripada Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Pn. Nur Rahmah, Dr. Teo Lee Ken, Dr. Wan Asiah Nurjannah serta pasukan APPGM-SDG yang lain.

Pada akhirnya, sesi perkongsian ini membuktikan bahawa penyelesaian isu komuniti memerlukan kerjasama erat antara masyarakat, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, institusi akademik dan organisasi masyarakat sivil. Dengan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, LC sebagai pengengaruh dan penghubung strategik antara komuniti dan pembuat keputusan dijangka terus memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan yang lebih responsif, inklusif dan selaras dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat tempatan.

Oleh Siti Noraiysah Rohim
(Ketua Zon Selatan)

Mengenai Mesyuarat

Kerajaan Brazil, Colombia dan Sepanyol akan menganjurkan mesyuarat pelancaran Kumpulan Rakan Kerjasama bagi Ekonomi Sosial dan Solidariti pada 11 Jun 2026 di Geneva, sebagai sumbangan kepada Gabungan Global untuk Keadilan Sosial. Mesyuarat ini akan memberikan peluang kepada kerajaan-kerajaan yang berminat untuk menandakan penubuhan Kumpulan tersebut, serta mendengar pandangan daripada rakan kongsi sosial dan pihak berkepentingan lain yang relevan mengenai kerjasama berkaitan ekonomi sosial dan solidariti.

Kumpulan ini akan menyediakan platform sukarela bagi kerjasama antara kerajaan dalam kalangan negara yang berminat, dengan matlamat untuk mempromosikan sumbangan ekonomi sosial dan solidariti terhadap pekerjaan yang murni, pembangunan mampan dan keadilan sosial, termasuk melalui pertukaran, kerjasama dan tindakan susulan dalam proses pelbagai hala yang berkaitan.

Daftar Sekarang
zoom





19 MEI 2026



MENGHUBUNGKAN PERUNDANGAN DAN TRADISI DI WILAYAH SARAWAK: DIALOG PLURALISME UNDANG-UNDANG & HAK ADAT BUMIPUTERA

Kami berbesar hati dapat menganjurkan syarahan khas bersama Prof. Dr. Ramy Bulan mengenai Pluralisme Perundangan dan Undang-undang Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak. Sesi ini telah menghimpunkan para peserta daripada pelbagai latar belakang profesional, akademik, dan komuniti, yang berfungsi sebagai ulang kaji berharga mengenai jurisprudens NCR serta pengenalan kepada kerumitan undang-undang di sekeliling tadbir urus tanah peribumi di Sarawak. Syarahan tersebut memberikan gambaran keseluruhan tentang asas-asas perundangan yang menyokong Hak Adat Bumiputera, dengan menjejaki perkembangan keputusan-keputusan kehakiman mercu tanda yang terus mencorakkan litigasi NCR kontemporari. Perhatian khusus diberikan kepada hubungan antara common law, perlindungan perlembagaan, peruntukan statutori, dan tafsiran kehakiman dalam menentukan pengiktirafan serta perlindungan hak adat peribumi.

Perbincangan bermula dengan penelitian terhadap prinsip-prinsip perundangan antarabangsa berkaitan masyarakat peribumi, dengan mengambil pengajaran perbandingan daripada bidang kuasa seperti Kanada, New Zealand, Australia, Afrika Selatan, dan Malaysia. Melalui perbandingan ini, para peserta diperkenalkan

epada konsep "hak milik peribumi" (*aboriginal title*) dan kaitannya dengan hak tanah peribumi dalam bidang kuasa undang-undang am (*common law*), di samping mengetengahkan pendekatan berbeza yang diguna pakai dalam mengimbangi pendudukan sejarah, sistem tadbir urus adat, dan keperluan pembangunan moden.

Sesi tersebut kemudiannya mengecilkan fokus kepada Sarawak, di mana pluralisme perundangan kekal menjadi ciri utama yang mencorakkan landskap undang-undang di negeri ini. Pluralisme perundangan merujuk kepada kewujudan bersama pelbagai sistem undang-undang dalam ruang sosial yang sama, terutamanya interaksi antara undang-undang statutori dan undang-undang adat peribumi. Dualiti ini paling ketara dalam tadbir urus tanah NCR, di mana rangka kerja perundangan formal bertembung dengan norma berasaskan komuniti, adat resam, dan amalan pengurusan tanah tradisional yang telah lama wujud.

Bagi mengkontekstualisasikan pluralisme perundangan dalam rangka kerja perundangan Malaysia, syarahan tersebut meneliti asas-asas undang-undang Malaysia, termasuk undang-undang bertulis, prinsip-prinsip common law, duluan kehakiman (*judicial precedents*), dan adat resam yang diiktiraf di bawah kedaulatan undang-undang. Perbincangan tersebut menekankan prinsip bahawa undang-undang mesti kekal responsif terhadap realiti tempatan dan konteks budaya. Di Sarawak, perkara ini dicerminkan dalam Kanun Tanah Sarawak, terutamanya Seksyen 5, yang menyediakan asas statutori bagi pengiktirafan Hak Adat Bumiputera (NCR).



Penjelasan terperinci turut diberikan mengenai konsep-konsep utama pegangan adat, termasuk *pemakai menoa* (wilayah wilayah), *tanah umai* (tanah pertanian), *tembawai* (bekas tapak penempatan rumah panjang), *pendam* (kawasan perkuburan), dan *pulau galau* (hutan simpan komunal). Konsep-konsep ini menggambarkan hubungan antara tanah, identiti, tadbir urus adat, dan kesejahteraan komuniti, yang melangkaui tanggapan konvensional mengenai pemilikan tanah secara individu.

Syarahannya turut menerokai beberapa cabaran kontemporari yang berkaitan dengan tadbir urus NCR. Ini termasuk ketidakjelasan di sekeliling tinjauan perimeter (*perimeter surveys*) dan proses perempadanan tanah, perdebatan undang-undang mengenai pengiktirafan *pemakai menoa* dan *pulau galau*, peningkatan tekanan terhadap sumber sara hidup yang bergantung kepada hutan, cabaran antara generasi berkaitan dengan pewarisan dan pemecahan tanah, serta peningkatan jurang penglibatan generasi muda daripada sistem pengurusan tanah adat. Sesi ini juga meneliti isu-isu yang timbul daripada keutamaan penggunaan tanah yang saling bersaing, termasuk perkara berkaitan dengan akses jalan raya, mobiliti, akses pasaran, dan pelaksanaan hak adat secara praktikal.

Perkembangan kehakiman yang signifikan, termasuk kes *TR Sandah ak Tabau & Ors v Director of Forest, Sarawak & Anor* serta semakan Mahkamah Persekutuan 2019 yang menyusul selepas itu, telah diteliti sebagai ilustrasi kepada kerumitan perundangan yang terlibat dalam mengimbangi peruntukan statutori, prinsip undang-undang am, dan amalan adat peribumi.



Sepanjang sesi tersebut, telah ditekankan bahawa isu-isu NCR bukan sekadar persoalan undang-undang semata-mata, malah berkait rapat dengan kebimbangan pembangunan mampan yang lebih luas, termasuk kemiskinan, ketidaksetaraan, kelestarian alam sekitar, kepercayaan institusi, dan daya tahan komuniti. Syarahannya turut

menggariskan kepentingan mengukuhkan pemahaman mengenai pluralisme perundangan dalam kalangan penggubal dasar, pengamal, penyelidik, dan pemimpin komuniti bagi memastikan rangka kerja perundangan dan pembangunan kekal responsif terhadap realiti kehidupan komuniti peribumi di Sarawak.

Penghargaan

APPGM-SDG merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Ramy Bulan atas kesudian beliau berkongsi kepakaran dan pandangan sepanjang syarahan khas ini. Kami amat bersyukur atas peluang untuk mendapat manfaat daripada keluasan ilmu serta sumbangan berpanjangan beliau dalam bidang undang-undang peribumi dan adat, yang telah mencorakkan wacana perundangan di Malaysia secara signifikan. Kami turut mengalu-alukan sumbangan akademik berterusan beliau melalui pelantikan beliau di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan berharap akan ada peluang kerjasama serta perkongsian ilmu lagi pada masa hadapan.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Cawangan Sarawak; Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); Yayasan Tun Jugah (TJF); Institut Pembangunan Sarawak (SDI); Persatuan Dayak Iban Sarawak (SADIA); Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh (DBNA); Datu Ose Murang; Datin Dr. Valerie Mashman; serta para Rakan Solusi (SP) dan Penyelaras Tempatan (LC) APPGM-SDG, berserta para peguam di seluruh Sarawak atas penyertaan dan sokongan mereka terhadap program Siri Randau Sarawak.



Oleh Raine Melissa Riman & Maurice Josaphat Jepun
(Ketua Wilayah Sarawak & Penyelaras Tempatan Mukah)



SINERGI ZON TENGAH: MEMPERKASA TADBIR URUS PELBAGAI PERINGKAT DEMI KELESTARIAN BERSAMA

Pada 19 hingga 20 Mei 2026, Sekretariat APPGM-SDG dengan kerjasama Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan, serta disokong oleh Kementerian Ekonomi dan kerajaan negeri, telah berjaya menganjurkan Forum Tadbir Urus dan Kepimpinan SDG Zon Tengah 2026 di Hotel Zenith, Putrajaya. Forum dua hari ini berfungsi sebagai platform strategik di bawah Inisiatif Intervensi Dasar Multi-Agensi Peringkat Daerah untuk memperkukuh agenda penyetempatan SDG melalui pendekatan tadbir urus pelbagai peringkat (*multi-level governance*).

Selaras dengan objektif; menterjemahkan semangat tadbir urus pelbagai peringkat, forum ini berjaya menghimpunkan penggerak dasar dan agensi pelbagai peringkat. Seramai 67 orang peserta daripada pelbagai agensi telah berdaftar bersama dengan 11 orang panelis. Peserta dan barisan panelis ini merangkumi kepimpinan tertinggi wilayah, Pegawai Daerah, PBT, agensi persekutuan dan negeri, rakan pembangunan antarabangsa, NGO serta akademia, sekali gus mencerminkan komitmen bersama memperkukuh tadbir urus pembangunan mampan di peringkat zon.



Forum ini telah dirasmikan oleh Tan Sri Prof. Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Pengerusi Universiti UCYP dan Profesor, Jeffrey Sachs Center for Sustainable Development. Sepanjang dua hari, pengisian program sarat dengan sesi panel dan perkongsian data lapangan daripada barisan panelis hebat. Selain itu, bengkel pemantapan kolaborasi pintar juga diadakan bagi menguatkan lagi pemahaman terhadap kepentingan Kerjasama dan perkongsian maklumat. Momentum diteruskan pada hari kedua dengan sesi Ucapan Utama daripada Dato' Sri Mustapa Mohamed dan Pn. Raja Nor Dianna, disusuli Dialog Meja Bulat mengenai model kolaborasi pintar.

Kemuncak forum diserikan dengan Majlis Ucaptama oleh YB Puan Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Beliau menegaskan kepentingan kesediaan dan perkongsian data serta kerjasama silang agensi merentasi kerajaan persekutuan, negeri, dan PBT mahupun badan korporat swasta dan NGO. Akhir sekali, forum ditutup rasmi oleh Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim. Forum ini diharapkan dapat dijadikan rujukan utama (*master reference*) kepada tindakan dasar demi kesejahteraan komuniti masa hadapan.



Oleh TPr. Nurul Syaza Mazelan
(Ketua Zon Tengah)

10 19 - 22 MEI 2026



MENYELAMI SUARA AKAR UMBI DI SABAH: MERUNGKAI CABARAN DAN DAYA TAHAN KOMUNITI DI PARLIMEN BATU SAPI

Parlimen Batu Sapi merupakan salah satu kawasan Parlimen di Sabah yang terletak dalam daerah Sandakan dan mempunyai kepelbagaian landskap meliputi kawasan bandar, pinggir bandar, pesisir pantai, kampung air serta kawasan pulau. Keunikan geografi dan demografi kawasan ini menjadikan Batu Sapi sebuah kawasan yang kaya dengan sumber perikanan, kepelbagaian budaya serta komuniti yang bergantung kepada sektor informal dan sumber semula jadi sebagai sumber pendapatan utama. Walau bagaimanapun, di sebalik pembangunan bandar yang pesat di beberapa kawasan, masih terdapat komuniti yang berhadapan dengan pelbagai cabaran berkaitan akses kepada kemudahan asas, peluang ekonomi, dokumentasi, pendidikan dan kesejahteraan sosial, sekali gus menjadikan kawasan ini penting untuk diberi perhatian dalam agenda pembangunan yang lebih inklusif dan mampan.

Pada 19 hingga 22 Mei 2026, pasukan penyelidik APPGM-SDG yang diketuai oleh Mc Jeanet bersama pasukan penyelidik lain iaitu Nor Amirul, Dr. Teo Sue Ann, Mohd Ikram dan Sitti Aisyah Orlando telah melaksanakan pemetaan isu di Parlimen Batu Sapi. Proses ini melibatkan lawatan lapangan serta sesi dialog dan perbincangan bersama komuniti di beberapa lokasi terpilih termasuk kampung pulau, kampung air, kawasan pesisir serta penempatan luar bandar. Pemetaan ini bertujuan memahami cabaran sebenar yang dihadapi masyarakat setempat, mengenal pasti jurang pembangunan serta memastikan intervensi yang dicadangkan lebih berasaskan keperluan komuniti.



Pemetaan isu yang dijalankan di beberapa kampung dalam kawasan Parlimen Batu Sapi memperlihatkan realiti kehidupan komuniti pesisir dan pulau yang masih berhadapan dengan cabaran asas pembangunan. Di sebalik keindahan persekitaran semula jadi dan kekayaan sumber laut, ramai penduduk masih bergelut dengan isu bekalan air bersih, elektrik, akses jalan raya dan kemudahan asas yang terhad. Bagi sebahagian penduduk di kawasan pulau dan kampung air, keperluan harian seperti mendapatkan air bersih memerlukan kos yang tinggi serta pengorbanan masa kerana terpaksa membeli dan mengangkut air menggunakan bot setiap hari. Dalam masa yang sama, sebahagian kampung masih bergantung kepada generator untuk bekalan elektrik, sekali gus meningkatkan kos sara hidup yang sedia tinggi.



Kehidupan komuniti di Batu Sapi juga sangat berkait rapat dengan sektor perikanan, namun sektor ini semakin terdedah kepada pelbagai cabaran. Nelayan berdepan pendapatan yang tidak menentu akibat faktor cuaca, kos petrol yang semakin meningkat, kerosakan enjin bot serta pelbagai kekangan peraturan dan kawasan tangkapan yang terhad. Malah, terdapat komuniti yang menyuarakan bahawa perubahan terhadap ekosistem sungai dan laut telah mengurangkan hasil perikanan yang sebelum ini menjadi sumber utama pendapatan keluarga. Dalam keadaan ekonomi yang rapuh, ramai nelayan mengakui mereka tidak mempunyai simpanan kecemasan kerana pendapatan harian hanya mencukupi untuk memenuhi keperluan asas keluarga.



Selain cabaran ekonomi, isu dokumentasi dan akses kepada perkhidmatan asas terus menjadi antara masalah utama yang memberi kesan berpanjangan kepada komuniti. Ketiadaan dokumen pengenalan diri menyebabkan sebahagian kanak-kanak tercicir daripada pendidikan, menyukarkan belia mendapatkan pekerjaan formal dan menghadkan akses kepada bantuan kerajaan. Pada masa yang

sama, akses kesihatan masih menjadi cabaran apabila sesetengah kampung hanya menerima lawatan klinik bergerak beberapa kali setahun atau perlu menanggung kos pengangkutan yang tinggi untuk mendapatkan rawatan. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu kemiskinan di peringkat akar umbi bukan hanya berkaitan pendapatan, tetapi turut melibatkan keterbatasan akses kepada hak dan perkhidmatan asas.

Walaupun berdepan pelbagai cabaran, komuniti di Batu Sapi masih menunjukkan daya tahan dan usaha membangunkan kawasan mereka sendiri. Ada kampung yang mula meneroka eko-pelancongan berasaskan komuniti, memperkasakan aktiviti perikanan, menghasilkan produk tempatan dan membangunkan potensi belia dalam bidang sukan. Namun, aspirasi ini memerlukan sokongan yang lebih tersusun daripada pelbagai pihak melalui pembangunan infrastruktur, latihan, pengukuhan kapasiti komuniti serta penyelesaian dasar yang lebih inklusif. Pemetaan isu ini membuktikan bahawa suara akar umbi perlu terus diberi perhatian kerana pembangunan yang mampan hanya dapat dicapai apabila keperluan komuniti setempat benar-benar difahami dan diutamakan.

Oleh *Mc Jeanet Lempisik @ Marx*
(Ketua Wilayah Sabah)

TAHNAH KEPADA STAF APPGM-SDG

"Tahniah diucapkan kepada rakan-rakan sekerja yang menggalas peranan sebagai felo dan pensyarah—kami amat bangga dengan komitmen anda dalam melahirkan generasi pemimpin masa hadapan di samping terus memacu misi kita ke hadapan."



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria

Ketua Sekretariat

SEBAGAI

Profesor Adjung di Asia e University

Profesor Kehormat di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Dr. Teo Lee Ken

Pengarah, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen

SEBAGAI

Pensyarah Separuh Masa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Felo Profesional di KSI Strategic Institute for Asia Pacific



Dr. Khairil Ahmad

Pengarah, Pusat MySDG untuk Keteranguman Sosial

SEBAGAI

Profesor Adjung Amal di Sekolah Politik, Hubungan Antarabangsa dan Ekonomi, University of Nottingham Malaysia



TPr. Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen

SEBAGAI

Felo Elite@UM di Universiti Malaya (UM)



Dr. Thanaraj Murudi

Ketua Zon Utara

SEBAGAI

Pensyarah Separuh Masa di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM)






Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Parlimen di atas kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Sepanjang bulan ini, APPGM-SDG telah berpeluang untuk mengadakan sesi libat urus di pelbagai kawasan parlimen melalui pelbagai mesyuarat dan acara seperti penyerahan rasmi Laporan Awal Intervensi Dasar (kolaborasi antara Yayasan Hasanah dan APPGM-SDG), majlis rasmi dan banyak lagi. Kejayaan ini dicapai hasil daripada usaha dedikasi antara Ahli-ahli Parlimen dan APPGM-SDG. Kami amat menghargai sinergi antara dasar dan tindakan akar umbi ini, dan kami berharap dapat terus memperkukuh kerjasama ini demi memajukan Matlamat Pembangunan Mampan di seluruh Malaysia.

BACA LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU KAMI

Menampilkan dua kawasan parlimen tahun 2026:



Baca Sekarang







APPGM-SDG



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>